

14/09/1998

Emas pertama Malaysia (HL)

Saufi Hamzah

PETALING JAYA, Ahad - Negaraku berkumandang di Pusat Bowling Pyramid di sini hari ini pada hari kedua Sukan Komanwel XVI - KL '98 yang menyaksikan Malaysia cemerlang dalam acara bowling, menembak dan hoki.

Pasangan Kenny Ang dan Ben Heng menyumbang pingat emas pertama negara dalam acara bowling beregu lelaki selepas Shalin Zulkifli dan Lai Kin Ngoh memberi permulaan memberangsangkan dengan meraih pingat perak acara sama bagi kategori wanita.

Malaysia juga menyerlah pada hari pertama acara menembak di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi (Lisram) dengan satu pingat perak dan satu gangsa, masing-masing menerusi gandingan Mutalib Abdul Razak-Mohd Emran Zakaria serta Bibiana Ng-Norsita Mahmud dalam acara air rifle berpasangan lelaki dan sport pistol berpasangan wanita.

Di Stadium Hoki Nasional, skuad negara bimbingan Paul Lissek melenyapkan keraguan mengenai corak cabaran mereka dengan keupayaan mengikat bekas juara dunia, Pakistan, 1-1 dalam perlawanan Kumpulan B.

Gandingan empat pasukan wanita Malaysia, Nor Azwa Mohd Di, Siti Zalina Ahmad, Haslah Hasan dan Nor Hashimah Ismail, tidak ketinggalan melakukan kejutan dalam acara bowling padang di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Mereka menewaskan kuartet juara bertahan dari Afrika Selatan, Hester Bekker, Lorna Trigwell, Loraine Victor dan Trish Steyn (RSA) 21-19 bagi kemenangan ketiga berturut-turut yang mencerahkan peluang meraih pingat.

Kenny dan Ben, bagaimanapun, mendapat pengiktirafan lebih istimewa kerana kejayaan mereka dalam acara berpasangan bowling itu turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Diiringi sorakan bergemuruh kira-kira 1,200 penonton yang sering berteriak 'Malaysia Boleh', kedua-duanya melakukan satu demi satu balingan cemerlang untuk menghimpun 3,552 jatuhan pin bagi memastikan pingat emas.

Mereka mengatasi pasangan Bermuda, Antoine Jones-Conrad Lister, yang menjatuhkan 3,329 pin bagi meraih perak manakala Michael Muir-Frank Ryan dari Australia (3,229 pin) hanya dapat berpuas hati dengan gangsa.

Menurut Presiden Kongres Bowling Tenpin Malaysia (MTBC), Datuk Dr P S Nathan, Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pemain negara.

"Perdana Menteri mengucapkan tahniah menerusi walkie-talkie selepas 10 minit mengetahui kejayaan Malaysia. Beliau meminta saya menyampaikan ucapan tahniah kepada pemain Malaysia," katanya.

Shalin dan Kin Ngoh pula memberi tentangan bersemangat sebelum akhirnya terpaksa akur kepada pasangan Australia, Cara Honeychurch-Maxine Nable, dalam perebutan emas. Gangsa dimenangi beregu England, Pauline Buck dan Gemma Burden.

Pasangan Malaysia itu menjatuhkan 3,548 pin, ketinggalan cuma 130 pin di belakang Honeychurch-Nable.

(END)